

05 FEB 1998

Zaharah-Wanita

SUMBER KEWANGAN MILIK WANITA BELUM DIMANFAATKAN SEPENUHNYA

KUALA LUMPUR, 5 Feb (Bernama) -- Golongan wanita mempunyai kekuatan ekonomi yang boleh membantu memulihkan kegawatan ekonomi negara kerana sebahagian besar sumber kewangan yang dimiliki wanita di negara ini masih belum dimanfaatkan sepenuhnya.

Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata, hakikat itu adalah berdasarkan kepada maklumbalas yang diterima daripada pengurus-pengurus dana tempatan bahawa sebahagian besar sumber kewangan yang dimiliki wanita belum digunakan.

"Kita lihat ini adalah satu peluang dan landasan yang boleh digunakan. Wanita sendiri akan dapat merasakan ia sebagai satu perjuangan ekonomi yang boleh membantu kerajaan dan diri mereka sendiri," katanya pada persidangan berita selepas Wawancara Khas di rancangan Selamat Pagi Malaysia (SPM) siaran TV1 hari ini.

Turut serta dalam wawancara mengenai Tabung Ehsan Wanita itu ialah Ketua Pergerakan Wanita MCA Datuk Teng Gaik Kwan, Ketua Pergerakan Wanita MIC Puan Sri P. Sarasa dan Ketua Pergerakan Wanita Gerakan Datuk Kee Phaik Cheen.

Dr Siti Zaharah berkata, penubuhan Tabung Ehsan yang bertujuan menggalakkan wanita menabung dan melabur adalah satu gerakan ekonomi secara besar-besaran bagi kaum wanita membantu kerajaan memulihkan ekonomi negara dan menggalakkan tabungan.

Tabung Ehsan Wanita itu akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) petang Ahad ini. Bagaimanapun, 30 kaunter akan dibuka mulai 10 pagi bagi membolehkan kaum wanita yang ingin membuat simpanan berbuat demikian.

Sasaran utama tabung ehsan itu ialah anggota 14 parti komponen Barisan Nasional (BN) yang berjumlah kira-kira tiga juta serta golongan wanita keseluruhannya.

Tabung Ehsan Wanita itu terbuka hanya kepada kaum wanita termasuk warga asing berusia 18 tahun ke atas. Simpanan minimum ialah RM100 manakala tiada had ditentukan bagi simpanan maksimum.

Dr Siti Zaharah berkata sejak penubuhan Tabung Ehsan Wanita anjuran Wanita BN diumumkan 21 Jan, pelbagai pihak terdiri daripada individu dan pertubuhan wanita negara jiran, pekerja asing wanita menunjukkan minat dan bertanya pelbagai maklumat mengenai dana itu.

Beliau berkata Wanita BN gembira dengan sambutan yang diberikan dan menunjukkan wanita negara ini turut berusaha membantu kerajaan mengatasi kekurangan modal. -- BERNAMA

HS PR